

Demokrasi pendidikan rapat jurang kaum – Hishammuddin

Um - 25/9/2006

Oleh NAZRULLAH ROSLI
dan ALI MAHMOOD

Kementerian akan terus komited menyediakan pendidikan untuk murid yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan pemulihan khas

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Menteri Pelajaran

PEKAN 24 Sept. – Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk mendemokrasi pendidikan bagi merapatkan jurang di kalangan masyarakat berbilang etnik, budaya dan sosioekonomi di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kementerian beliau sentiasa mengambil langkah ke hadapan bagi memastikan tidak ada murid yang akan ketinggalan dalam mengikuti arus perkembangan pendidikan di negara ini.

Katanya, menerusi Jabatan Pendidikan Khas, kementeriannya akan terus komited menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk murid yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, pembelajaran dan pemulihan khas.

“Kategori murid-murid bermasalah pembelajaran di bawah kementerian ialah sindrom down, autisme ringan, *attention deficit hyperactive disorder*, terencat akal minimum dan bermasalah pembelajaran

spesifik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutup program *Outreach* pendidikan khas dan lawatan menangani isu-isu pendidikan anak Orang Asli oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Sekolah Kebangsaan Runchang, dekat sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Parlimen kementerian, P. Komala Dewi.

Katanya, bagi menjayakannya, program Pendidikan Khas Integrasi telah dilaksanakan di sekolah aliran perdana yang menekankan kepada perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek supaya murid-murid berkenaan menerima pendidi-

kan yang lebih tinggi.

Beliau berharap melalui program seperti itu, pelajar bermasalah akan mendapat pekerjaan dan mampu hidup berdikari.

Sementara itu, beliau berkata, program pemulihan khas disediakan untuk membantu murid mengatasi masalah belajar yang khusus terutamanya dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

“Bagi pelajar golongan ini, mereka diajar dengan menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran pengasingan sementara.

“Sementara itu, dalam konteks pembelajaran anak-anak Orang Asli dan anak-anak pribumi Penan, kementerian memberikan penekanan dan fokus kepada keperluan

mendefinisikan semula persekolahan mereka,” katanya.

Kata Hishammuddin, pendefinisian semula ini dilakukan untuk membantu anak-anak Orang Asli dan Penan supaya tidak terus tercicir dalam pendidikan.

Golongan ini, kata beliau, boleh dikelompokkan dalam golongan berisiko tinggi yang perlu diberi perhatian agar tidak wujud jurang besar dalam pelbagai aspek antara murid di kawasan bandar dan luar bandar.

Katanya, program *Outreach* yang dilaksanakan oleh kementerian bertujuan memenuhi matlamat menyediakan peluang pendidikan formal kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak berkeperluan khas.

“Program *Outreach* yang dijalankan sebelum ini di Ulu Tembeling, Jerantut, Baram Tengah di Ulu Baram, Sarawak dan bahagian Pantai Timur di Sabah mendapati masih banyak aspek perlu diberi perhatian.

“Antaranya ialah infrastruktur dan pengisian pendidikan bagi menggalak pembelajaran yang berterusan di kalangan murid Orang Asli, pribumi Penan dan Bajau Laut.